

Cerita yang mungkin memeranjatkan Dr.M

Mengikuti sebuah berita dari Kuantan, Kerajaan Pahang masih menghadapi beberapa kerumitan untuk melaksanakan sistem 'Exco sepenuh masa' seperti yang berjanji dalam Pentadbiran lain-lain Kerajaan Negeri sekarang.

Difahamkan bahawa kerumitan utama yang dihadapi oleh pentadbiran Kerajaan Negeri di dalam melaksanakan sistem tersebut ialah bila mana ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri sehingga sekarang belum lagi menerima gaji dan elaun baru seperti yang diinkamati oleh rakan-rakan sejawat mereka dari lain-lain negeri hari ini.

Sehingga kini semua ahli Exco Kerajaan Pahang, Menteri Besar sendiri, Speaker Dewan Undangan Negeri serta ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pahang masih lagi menerima elaun bulanan mengikut kadar lama.

Hasil masalah inilah, difahamkan bahawa Kerajaan Negeri pimpinan Haji Abdul Rahim Abu Bakar tidak dapat membuat tekanan supaya ahli-ahli Exco memunculkan tugas sepenuh masa di dalam Kerajaan Negeri.

(Dipetik dari Utusan Malaysia Ogos 23, 1981 di bawah kepala, "Pahang hadapi kerumitan untuk laksanakan sistem 'Exco sepenuh masa'").

Komen Penulis:

Penulis percaya Datuk Seri Dr. Mahathir — yang mempunyai "reputation" di dalam dan di luar negeri sebagai pemimpin yang suka bercakap secara berterus-terang dan jua yang tidak suka menyapa ke bawah permaidani — akan bertyuan kepada Menteri Besar Enik Bahim Bakar esok (Ogos 29), setelah lamanya mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan UMNO Pahang sama ada atau tidak berita ini benar.

Selaku seorang pemimpin yang berlatarbelakangkan kepada profesyen doktor, beliau tentu sekali tidak akan melengah-lengahkan rawatan terhadap seseorang pesakit yang memerlukan rawatan kecemasan....

Maksud: Kalau kelebihan membayar gaji dan elaun baru itu berpuncu dari satu-satu sebab "teknikal" seperti, umpamanya, Perbendaharaan Negeri Pahang telah kehabisan buku-buku "cheque", Dr. Mahathir tentu sekali akan memerintahkan Perbendaharaan Persekutuan

supaya meringankan dengan helikopter buku-buku "cheque" baru ke Kuantan dengan serta-merta; dan jika kelewatan disebabkan oleh kedatangan wang di "Bilik Kuat" Perbendaharaan Pahang, Dr. M mungkin akan mengarahkan supaya Menteri Kewangan Tengku Razaleigh membayar "advance" (yakni wang pendahuluan) kepada Enik Bahim Bakar untuk dibawanya pulang ke Kuantan....

Kedua seperti ini adalah berlawanan dengan tema Hari Kebangsaan yang berbunyi, "Berdisiplin dan Berharmoni". Kerana bagaimanakah Pentadbiran di Malaysia boleh dikatakan berada dalam keadaan "berharmoni", jika ahli-ahli Pentadbiran di sebuah Negeri diberi layanan yang berlainan dari rakan-rakan sejawat mereka di Negeri-negeri lain? Atau secara mengunaka bahasa kawat, seorang ahli pasukan melangkah dengan kaki kiri sementara rakan-rakannya dari pasukan yang sama menghayun kaki kanan....

Nota: Kalaulah cerita ini sampai ke telinga para pemberita luar negeri, bolehkah mereka itu dipersalahkan jika mereka menjadikannya bahan "recrea luec" di akhbar atau majalah mereka?



Bukan kerana Kerajaan tak ada wang....

"Smaller cars do not mean austerity drive," kata sebuah tajuk kecil di New Straits Times Ogos 26, 1981. Berita selanjutnya melaporkan Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai berkata bahawa keputusan Kerajaan untuk menyamak semula model dan saiz kereta-kereta resmi yang akan diperuntukkan kepada mereka yang berhak menggunakannya bukanlah hasil kempen "jimat cermat" yang keterlaluan (austerity drive), kerana Negara tidak menghadapi keadaan kewangan yang buruk.

Tambah Tengku Razaleigh, langkah tersebut adalah semata-mata bertujuan untuk dijadikan tauladan oleh rakyat supaya mereka tidak membelanjakan wang secara membazir.

Komen Penulis:

Apa yang dipercakapkan oleh Menteri Kewangan Tengku Razaleigh tadi seolah-olah, agaknya, diinterpretasikan sebagai bererti bahawa Kerajaan tidak akan menamatkan pangkat atau memberi bintang kebesaran kepada pegawai-pegawai tinggi dan kanan atas "kebijaksanaan" mereka membazirkan duit rakyat

(taxpayers' money) dengan, umpamanya, membayar kepada kontraktor \$3.00 lebih bagi satu-satu benda yang boleh dibeli di pasar terbuka dengan harga 18 sen....

Dan jua, agaknya, tidak akan memukap-nepuk manja bahu M.B.-M.B. dan memuji kerajaan-kerajaan negeri yang membelanjakan berjuta-juta duit rakyat dengan, umpamanya, mendirikan "bangunan-bangunan super-istimewa" di sempadan-empadan Negeri, dengan tujuan memaklumkan rakyat merangkap pembayar cukai (dan pelancong) di mana sempadan Negeri berkenaan bermula dan di mana pula ianya berakhir....



Ekor Ruangan:

A) Seorang lelaki Swiss (20 tahun) yang tidak mempunyai wang walaupun sedikit di dalam sakunya dan yang baru sahaja keluar dari penjara telah membuat keputusan untuk menarik simpani orang ramai terhadap pemerintahannya melalui satu cara yang dramatik — ia memotong tangan kirinya dengan gunting pokok. (South China Morning Post Ogos 19, 1981).



B) Seorang lelaki India berumur 23 tahun telah mengundukan kedua-dua belah tangannya atas dorongan perasaan "frust" yang keterlaluan bila dia gagal mendapatkan kerja.

Lelaki tersebut meletakkan kedua-dua belah lengannya ke atas landasan kereta-tapi di sebuah stesyen di Mahasaira, bila sebuah kereta lalu di stesyen itu.

Bila dikirangkan ke hospital, dia memberitahu para doktor: "Tangan saya tidak berguna. Saya gagal mendapatkan kerja dan saya berasa amat malu hidup tanpa kerja." (South China Morning Post Ogos 19, 1981).

Catitan Khas:

Begitu desperasi sekali nampaknya dua orang hamba Allah (luar negeri) yang tidak mempunyai wang ataupun kerja. Oleh itu mereka yang bernasib baik mendapatkan kerja, jagalah kerja dengan umpamanya mematuhi peraturan tentang waktu datang bekerja — lebih awal lebih baik. Dan bila berada di kilang ataupun pejabat janganlah habiskan masa dengan bersembang-sembang, jika benar-benar sayangkan kerja.

Begitulah jua keadaannya dengan wang. Mereka yang mempunyai wang yang berlebihan janganlah membelanjakannya secara membazir. Gunakannya untuk melabur dalam Amanah Saham Nasional.

